

Hukuman Berat Pemandu Mabuk

PUTAJAYA : Kementerian Pengangkutan bersedia untuk meningkatkan lagi hukuman terhadap pesalah yang memandu kenderaan dalam keadaan mabuk sekiranya hukuman sedia ada masih tidak cukup setimpal. Menterinya, Anthony Loke Siew Fook berkata, pihaknya juga akan melihat semula keberkesanan peruntukan undang-undang sedia ada bagi menyelesaikan isu berkenaan termasuk soal hukuman yang dikenakan."Dari segi undang-undang ,kita kena lihat semula adakah undang- undang itu berkesan untuk menyelesaikan kes berkenaan. Kita juga akan lihat adakah hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah ini setimpal. " kita akan cari jalan terbaik dan sekiranya dari segi undang-undang tidak cukup ketat kita akan mengetatkan lagi sekiranya ada keperluan," katanya kepada pemberita selepas melepaskan 22 peserta konvoi menaiki kereta Porsche bagi menyambut Ulang Tahun Porsche ke – 70 di Bangkok, Thailand di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai keperluan meningkatkan hukuman terhadap pemandu yang memandu dalam keadaan mabuk ekoran kejadian Ahad lalu. Dalam kejadian tersebut empat lelaki maut dan seorang lagi patah kaki kiri selepas dirempuh kereta Toyota Vios yang dipandu wanita mabuk ketika berada dikawasan parkir Pusat Komersial BDC(1Arena) di Jalan Chong Thien Vun , Tawau Sabah. Ketika ini, pemandu yang memandu dalam keadaan mabuk boleh dituduh dibawah seksyen 45A Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang membawa hukuman denda maksimum RM6,000 dan penjara maksimum 12 bulan.Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh didakwa di bawah seksyen 43 akta yang sama yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 dan boleh juga dihukum penjara maksimum 12 bulan.

Dalam perkembangan lain, Siew Fook berkata, beliau telah menyerahkan nama calon bagi mengisi jawatan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Mavcom) kepada Perdana Menteri , Tun Dr.Mahathir Mohamad.Beliau berkata, nama itu hanya cadangan dan keputusan akhir siapa yang dilantik adalah dibawah kuasa prerogatif Dr.Mahathir selaku Perdana Menteri."Pengumuman Pengerusi Eksekutif yang baharu itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri tidak berapa lama lagi bagi memastikan kesinambungan dan perancangan Mavcom tidak terganggu," katanya.

Sebelum ini, sumber yang dekat dengan Tan Sri Jeneral(B) Abdullah Ahmad dilaporkan sebagai berkata, Pengerusi Eksekutif Mavcom itu akan meletak jawatan dan kenyataan mengenainya akan dikeluarkan dalam masa terdekat. Dalam pada itu katanya, perlantikan baharu itu juga akan menyaksikan gaji Pengerusi Eksekutif baharu dinilai semula berbanding kira-kira RM85,000 sebulan yang diterima Abdullah sebelum ini.